

18 AUG 1998

Lim-Pekerja

PARA PEKERJA DAN MAJIKAN SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Para pekerja dan majikan di seluruh negara bersepakat berdiri teguh menyokong kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

Katanya persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan antara lain menyokong segala usaha yang telah dan akan diambil untuk memulihkan ekonomi negara.

"Semakin besar cabaran yang dihadapi negara semakin kuat sokongan mereka kepada Datuk Seri (Dr Mahathir Mohamad). Inilah pengakuan dan komitmen mereka kepada Datuk Seri dan kepada negara yang tercinta," katanya semasa berucap pada Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja 1998 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Perhimpunan yang bertemakan "Bersatu Bermuafakat Ekonomi Meningkatkan" dan disertai kira-kira 3,500 pekerja sektor awam dan swasta turut mendengar amanat Dr Mahathir.

Sempena perhimpunan itu, Dr Mahathir turut menyampaikan 11 anugerah Kementerian Sumber Manusia kepada majikan dan pekerja.

Anugerah itu ialah anugerah Majikan Prihatin yang dimenangi Samsung Electronic Group Malaysia, Ladang Bahagia (Ladang Tanah Merah Port Dickson), Galakan Tabungan Pekerja (Motorola Malaysia Sdn Bhd), Pembangunan Tenaga Mahir Kategori Industri Besar (Fairchild Semiconductor Malaysia Sdn Bhd).

Anugerah Pembangunan Tenaga Mahir Kategori Industri Kecil dan Sederhana (Hexza-Neste Chemicals Sdn Bhd), Kesatuan Sekerja Contoh Kategori Sektor Awam (Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat), Kesatuan Sekerja Contoh Kategori Sektor Swasta (Kesatuan Pekerja-pekerja Resorts World Bhd).

Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan tahun ini dimenangi Norliya Ismail dari Siemen Components (Advanced Technology) Melaka manakala tokoh pekerja lelaki ialah Ku Abdul Razak Ku Ismail dari Tenaga Nasional Berhad, Guar Cempedak, Kedah.

Anugerah tokoh pekerja kurang upaya perempuan dimenangi seorang penerbit di RTM, Ramlah Md Jalee dan tokoh lelaki ialah Che Abu Bakar Mat, seorang pemilik pasar mini.

-- BERNAMA

HS AKD